

GLC tidak harus diterajui orang politik

PETALING JAYA: Syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu berhenti melantik orang politik menerajui syarikat berkenaan bagi mengatasi kepincangan sehingga merekodkan kerugian RM3 bilion pada tahun 2022.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, penganalisis ekonomi dan Pengarah Program MBA, Putra Business School (PBS), Prof. Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, lantikan politik biasanya tidak mengambil kira kepakaran ahli-ahli politik untuk menerajui sesebuah agensi.

“Syarikat-syarikat GLC sepatutnya melantik lebih ramai ahli lembaga pengarah bebas dan bukan daripada lantikan politik. Ahli lembaga pengarah yang bebas pula sepatutnya dalam kalangan individu yang mempunyai pengalaman profesional dalam pelbagai bidang,” katanya.

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang dibentangkan kelmarin mendedahkan beberapa kepincangan kewangan dalam lima agensi Persekutuan dan GLC yang merekodkan kerugian lebih RM3 bilion bagi tahun 2022.

Agensi-agensi tersebut ialah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda), Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE), Perbadanan Aset Keretapi (RAC), Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Felda mengalami kerugian bersih berjumlah RM1.005 bilion, sementara KWIE rugi RM990 juta, RAC rugi RM484 juta dan KWAN rugi RM353 juta,



Syarikat-syarikat GLC sepatutnya melantik lebih ramai ahli lembaga pengarah bebas dan bukan daripada lantikan politik.”

AHMED RAZMAN ABDUL LATIFF

manakala DBKL rugi RM283 juta.

Dalam pada itu, Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Mohd Faisol Ibrahim berkata, sudah tiba masanya Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) mengempatkan pegawainya dalam agensi-agensi strategik kerajaan sebagai pencegahan awal pembaziran duit negara.

“Langkah ini boleh dilakukan bagi memastikan kepincangan kewangan itu tidak berlaku akibat faktor dalaman,” jelasnya.

Selain itu, Faisol berkata, masalah pilih kasih atau pilih bulu dalam lantikan penting bagi agensi kerajaan telah menyebabkan budaya persaingan sihat semakin pudar.

“Ramai pekerja yang betul-betul kompeten dan komited dalam melaksanakan tugas dinafikan hak mereka dan akhirnya orang yang kurang sesuai dipilih, disebabkan budaya pilih kasih ini dan membuat keputusan salah yang merugikan syarikat,” jelasnya.